

KENYATAAN AKHBAR

GUNA KONTRAKTOR BERDAFTAR UNTUK KERJA UBAHSUAI

Kuala Lumpur, 15 Jun: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengingatkan pemilik rumah agar menggunakan khidmat kontraktor yang sah berdaftar dengan CIDB untuk melakukan kerja-kerja pengubahsuaian rumah.

Peringatan ini bagi mengelakkan pemilik rumah tertipu atau menanggung kerugian wang, kualiti binaan serta berdepan dengan risiko keselamatan apabila menggunakan perkhidmatan kontraktor yang tidak berdaftar dengan CIDB.

CIDB ada menerima aduan daripada pemilik rumah yang bulat-bulat ditipu ekoran ketiadaan dokumen perjanjian menyebabkan kontraktor tidak berdaftar ini melakukan kerja ubahsuai secara sambil lewa dan tidak mengikut tempoh waktu siap kerja yang dipersetujui walaupun wang pendahuluan telah di bayar oleh pemilik rumah.

Ketua Eksekutif CIDB Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid mengingatkan bahawa mana-mana kontraktor yang tidak berdaftar tetapi melakukan kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai boleh di dakwa dan apabila sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang dari RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 di bawah Akta 520.

Statistik yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), mendapati sebanyak 179 kes pertikaian membabitkan pengubahsuaian rumah dengan nilai tuntutan hampir RM2 juta telah diterima sepanjang tahun 2016.

Sementara sehingga April 2017 pula, sebanyak 76 kes pertikaian dari seluruh negara telah diterima oleh biro berkenaan membabitkan lebih RM782 ribu nilai tuntutan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan kontraktor berdaftar bolehlah membuat carian di portal CIDB www.cidb.gov.my.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<i>Abdul Rakis Santa</i>	<i>rakis@cidb.gov.my</i>	<i>03-40477018 / 012-6200360</i>
<i>Noryani Ismail</i>	<i>noryani@cidb.gov.my</i>	<i>03-40477027 / 019-2856867</i>